

Kolokium pengajian Malaysia di Ohio, September

BERITA HARIAN 22/7/2016 p.11

Kuala Lumpur: Pemegang kerusi Tun Abdul Razak (TARC) Prof Dr Jayum Jawan, yang berpejabat di Universiti Ohio, akan menganjurkan Kolokium Siswazah Mengenai Pengajian Malaysia pada September ini.

Kolokium tiga hari dari 14 hingga 17 September itu akan mengumpulkan 26 penuntut yang sedang melakukan kajian sama ada untuk peringkat sarjana atau doktor falsafah dalam pelbagai bidang yang memfokuskan kepada Malaysia.

"Tujuan kolokium ini adalah untuk menyediakan platform kepada penuntut yang membuat kajian mengenai Malaysia, berkumpul, bertukar-tukar pandangan dan

berkongsi aktiviti kajian, selain memberi peluang mengantara-bangsakan universiti mereka serta mobiliti global," menurut satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Peluang berinteraksi

Katanya, pembentang juga berpeluang berinteraksi dengan rakan mereka, namun fokus kolokium itu adalah untuk membentang dan menerima maklum balas daripada fakulti Universiti Ohio.

"Bagi penuntut berkenaan, ia memberi pendedahan yang baik serta peluang membuat penanda aras dengan orang lain dan amalan terbaik antarabangsa dalam penyelidikan, penulisan dan pe-



Jayum Jawan

nerbitan," katanya.

Ucaptama akan dibuat Prof Dr Md Amin Md Taff dari Universiti Pendidikan Sultan Idris yang ketika ini Pengarah Bahagian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi yang berpangkalan di Washington DC.

Peserta terdiri daripada calon graduan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mereka akan disertai calon graduan dari Universiti Brunel di United Kingdom dan Institut Graduan Nasional Mengenai Pengajian Dasar di Tokyo serta calon kedok-

toran College of Health Sciences and Professions, Universiti Ohio.

Kertas yang dibentangkan di kolokium itu akan disemak untuk penerbitan dalam Siri Kertas Tun Abdul Razak.

Prof Jayum, tokoh ke-15 yang menduduki TARC serta profesor pelawat untuk sains politik, adalah profesor kanan dalam politik dan kerajaan dari Universiti Putra Malaysia.

Beliau mendapat pelantikan berkembar di Pusat Pengajian Antarabangsa dan Jabatan Sains Politik, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Ohio. Prof Jayum menduduki kerusi Razak dari 2015 hingga 2017.

BERNAMA